

TM bantu

UMSKAL


baik pulih

UM 18.12.13 80

SEMPORNA 17 Dis. - Projek penternakan ikan dalam kolam di perairan Pulau Bum-Bum di sini diharap dapat membantu meningkatkan taraf hidup dan sosio ekonomi sebahagian keluarga nelayan yang menyertai projek berkenaan.

Pengarah Universiti Malaysia Sabah Kampus Antara-bangsa Labuan (UMSKAL), Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata, projek itu dijangka siap sepenuhnya pada April tahun depan dan diharap mampu membantu meningkatkan sosio-ekonomi nelayan.

“Kolam berkeluasan 18 meter lebar dan 30.5



meter panjang yang dibina oleh Majlis Sukarelawan Pelajar UMS sebelum ini telah rosak teruk akibat dipukul ombak pada September lalu,” katanya kepada pemberita selepas melawat projek membaik-pulih kolam ikan itu di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Pengurus Besar Telekom Malaysia (TM) Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, Sukkuriya Masrie berkata, pihaknya akan terus bekerjasama dengan UMS dalam apa juga bidang yang dicaburi.

“TM bukan sahaja memberi sumbangan berbentuk kewangan tetapi juga pengetahuan terutama kepada masyarakat di luar bandar di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan,” ujarnya.

Sukkuriya berkata, projek tersebut merupakan antara program tanggungjawab sosial korporat TM kepada penduduk di luar bandar.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah kerana memberi peluang kepada TM bekerjasama dalam projek tersebut.